

Headline	Hutan Simpan Krau diwarta sebagai lembah biodiversiti
Date	12. May 2009
Media Title	Sinar Harian (Pahang)
Section	NEWS
Circulation	60000
Readership	0
Language	MALAY
Page No	9
Article Size	267 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color
AdValue	



Hutan Simpan Krau diwarta sebagai lembah biodiversiti

LANCHANG - Kerajaan Pahang akan mewartakan Hutan Simpan Krau sebagai lembah biodiversiti kerana kawasan itu dipenuhi dengan tumbuh-tumbuhan herba yang kaya dengan pelbagai khasiat dan komersial.

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Mohd Sharikar Shamsuddin berkata, kerajaan negeri menggalakkan pakar-pakar tumbuhan dan herba tempatan supaya melakukan penyelidikan bagi memanfaatkan sumber semula jadi dan biologi dalam perbagai bidang, terutamanya perubatan di kawasan tersebut.

Menurutnya, penyelidik perlu mengambil peluang itu memandangkan Malaysia diiktiraf oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu antara 12 negara di dunia yang kaya dengan sumber 'kepelbagaiannya biodiversiti'.

"Kerajaan negeri kini sedang menyediakan pelan induk dan pengkalan data mengenai sumber biodiversiti bagi seluruh negeri Pahang, terutamanya sumber hutan Krau yang kaya dengan flora dan fauna.

"Melalui hasil kajian itu nanti kerajaan negeri kemungkinan akan membuka ladang untuk menanam pokok herba yang berpotensi dan mempunyai nilai komersial serta mampu menjana pendapatan berbilion ringgit," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Ekspedisi Penyelidikan bagi memelihara sumber semula jadi biodiversiti untuk kepentingan



● Mohd Sharikar menyampaikan cenderamata kepada wakil UIA.

herba dan farmasi di Institut Biodiversiti Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Bukit Rengit, semalam.

Ekspedisi itu yang dijalankan selama tiga hari dianjurkan Pusat Kajian Herba Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Cawangan Kuantan dan Pahang Bio-Sains disertai 40 penyelidik dari UIA sendiri, Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UITM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Perhilitan.

Mohd Sharikar berkata, kerajaan negeri serius untuk membangun dan melindungi sumber semula jadi dan biologi untuk tempoh 50 tahun akan datang apabila menuju ke Pahang BioSains dan Technologi Park Malaysia di Raub

bagi menjalankan kajian mengenai herba.

Menurutnya, sebelum ini Hutan Simpan Krau di terokai para penyelidik dari luar negara seperti Amerika Syarikat dan Eropah apabila mereka menyedari kawasan itu kaya dengan sumber biodiversiti dan herba.

"Kerajaan negeri akan menjalankan kajian herba dan biodiversiti seperti mana kita menjalankan penyelidikan sumber komoditi seperti kelapa sawit, getah dan teh yang mampu menjana pendapatan berbilion ringgit," katanya.

Beliau berkata, Hutan Simpan Krau yang meliputi kawasan seluas 67,240 hektar dan bersempadan dengan tiga buah daerah iaitu Temerloh, Jerantut dan Raub dinamakan sebagai Lembah Bio atau turut dikenali sebagai Lanchang Biodiversiti Park (LBP).